

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 7 MAC 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 26

### Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga dimuktamadkan 3 bulan lagi

# Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga dimuktamad 3 bulan lagi

**Kementerian Ekonomi** akan memuktamadkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga untuk menterjemahkan Dasar Tenaga Negara kepada projek peralihan tenaga yang bakal diterajui syarikat besar, sederhana, dan kecil, dalam tempoh tiga bulan lagi.

Menterinya, Rafizi Ramli, berkata sasaran Malaysia untuk beralih dari tenaga sedia ada ke tenaga hijau adalah agenda strategik yang mampu mencipta pekerjaan baharu yang bernilai tinggi, selain memenuhi tanggungjawab global negara untuk mengurangkan pelepasan gas rumah berkaca (GHG).

"Keperluan untuk mematuhi standard hijau sedunia semakin meningkat dan industri Malaysia harus memenuhi syarat dan piawaian hijau untuk kekal berdaya saing sebagai negara perdagangan," katanya dalam satu kenyataan.

Susulan itu, katanya, Malaysia secara rasmi telah menyertai Asia Zero Emission Community (AZEC), blok tenaga yang terdiri dari Jepun, Australia, dan negara ASEAN

kecuali Myanmar.

"AZEC merupakan inisiatif baharu bagi memacu peralihan tenaga daripada sumber hidrokarbon kepada sumber tenaga bersih dan tenaga boleh baharu (TBB) serta aspirasi sifar bersih pelepasan GHG yang lebih signifikan

"Konsep AZEC ketika ini lebih bertumpu kepada kerjasama dan bukan instrumen perundangan yang megikat," kata Rafizi.

Menurutnya, kerjasama yang dijalin melalui AZEC mampu membuka peluang kepada Malaysia untuk mempercepatkan pemindahan teknologi dan pembiayaan hijau supaya dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat negara.

Pada 4 Mac lalu Rafizi mengutau delegasi Malaysia ke Mesyuarat Peringkat Menteri AZEC 2023 di Tokyo, Jepun, yang turut disertai pegawai daripada Kementerian Ekonomi, Kementerian Luar Negeri, Petroliam Nasional Bhd (PETRONAS) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. BERNAMA